KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA KPDN 24 JAM

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **3 Januari 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: RABU
TARIKH: 3/1/2024
M/SURAT: 14

# Tangani kartel, manipulasi tender

SAUDARA PENGARANG,

**KENYATAAN** bahawa 500 syarikat di Malaysia sedang berada di bawah penelitian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana didakwa membentuk kartel untuk memanipulasi projek tender kerajaan adalah amat serius.

Strategi melibatkan pemilik syarikat berkahwin dengan beberapa isteri dan menggunakan nama mereka sebagai proksi memberikan impak negatif terhadap persaingan yang adil. Penipuan cara ini sama besarnya dengan ancaman rasuah.

Tindakan MyCC memantau aktiviti kartel ini mesti disokong rakyat dan pasukan forensik pelbagai agensi yang pernah ditubuhkan perlu diaktifkan semula bagi mengekang segera masalah ini.

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) mahu menekankan tentang kepentingan penyiasatan berkualiti dalam menangani isu-isu kartel dan rasuah. Strategi yang lebih ampuh diperlukan untuk menangani isu ini.

Isu kartel melibatkan aspek yang kompleks dan memerlukan pemahaman mendalam dari pelbagai perspektif. Pasukan pakar forensik pelbagai agensi itu pasti akan dapat mengesan dan memberikan impak besar dengan tindakan perundangan yang lebih tegas.

Pasukan forensik itu juga perlu bekerjasama dengan agensi penguatkuasa undang-undang untuk meningkatkan keberkesanan pencegahan dan tindakan yang tegas dapat dilakukan segera.

Perlindungan kepada pemberi maklumat atau *whistleblower* perlu diperkemaskan. Jaminan keselamatan kepada mereka akan merangsang lebih ramai individu untuk melaporkan aktiviti mencurigakan.

Usaha ini adalah tanggungjawab bersama. Penglibatan awam dan program kesedaran berterusan tentang kepentingan integriti dapat membina tekanan yang positif untuk mencapai ketelusan dan pertanggungjawaban yang diinginkan.

Kes-kes yang berulang kali dilaporkan mengenai kartel memanipulasi tender kerajaan adalah amat mengecewakan terutamanya ketika ramai rakyat sedang berdepan dengan kegawatan ekonomi yang serius.

Hanya tindakan yang cepat dan tegas untuk membanteras isu-isu ini dapat meredakan hati rakyat dan memupuk persekitaran perniagaan yang telus serta bertanggungjawab untuk kesejahteraan negara.

**JAIS ABDUL KARIM**
Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW)

**BANYAK kes dilaporkan mengenai kartel memanipulasi tender kerajaan yang amat mengecewakan ramai rakyat.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: RABU

TARIKH: 3/1/2024

M/SURAT: BERITA ONLINE

| BERITA ONLINE BERTARIKH 3 JANUARI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 3-Jan | Don't delay PADU registration | https://www.dailyexpress.com.my/news/226225/don-t-delay-padu-registration/ | DAILYEXPRESS |
| 3-Jan | Skuad terjah KPDN dapat pujian netizen | https://www.sinarharian.com.my/article/642225/suara-sinar/analisis-sinar/skuad-terjah-kpdn-dapat-pujian-netizen | SH |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT